

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 04 MAC 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pembenihan awan Berjaya, Lembah Klang hujan	Utusan Malaysia
2	Pembenihan awan berjaya	Kosmo
3	Operasi berjaya	Harian Metro
4	Kaji skim pekerja di bawah MOSTI	Berita Harian
5	Kaji semula terma korporat 3 institusi MOSTI	Utusan Malaysia
6	Kerajaan diminta kaji semula skim pekerja di institusi milik MOSTI	Bernamea.com
7	Six areas record 'unhealthy' API readings	New Straits Times
8	Pembenihan awan cetus hujan	Berita Harian
9	Cloud seeding brings brief respite	The Star
10	Cloud seeding produces heavy rain	New Straits Times
11	Triple whammy as haze hits the Klang Valley	The Star
12	You can't quite see at sea	The Star
13	'Lower water levels in dams'	New Straits Times
14	Shrouded in haze	The Sun
15	Tahap penglihatan merosot	Berita Harian
16	Rains next week may bring relief	New Straits Times
17	Masalah jarak penglihatan berlarutan hingga Sabtu	Kosmo
18	Hujan tidak kurangkan masalah jerebu	Kosmo
19	Punca dalaman penyebab jerebu	Sinar Harian
20	Antara betul-betul sakit dengan sengaja cari penyakit	Utusan Malaysia
21	Tahap ketampakan rendah akibat jerebu dijangka berterusan sehingga Sabtu	Bernamea.com
22	Makmal makanan DBKL diiktiraf	Utusan Malaysia
23	Kerjasama APCERT, OIC-CERT perkukuh keselamatan siber	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 04 MAC 2014 (SELASA)

Pembenihan awan berjaya, Lembah Klang hujan

KUALA LUMPUR 3 Mac - **Jabatan Meteorologi** hari ini berjaya menjalankan operasi pembenihan awan apabila hujan di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, hasil pemantauan pihaknya mendapati hujan di kawasan operasi pembenihan awan seperti di Hulu Langat, Kuala Kubu Bharu, Hulu Kelang dan Semenyih.

Menurut beliau, pihaknya juga mendapati hujan bukan sahaja di kawasan operasi tetapi turut meliputi kawasan sekitar Subang dan Rawang.

"Kejayaan ini disebabkan kawasan-kawasan tersebut pada hari ini sangat sesuai untuk operasi berkenaan kerana keadaan atmosferanya yang tidak stabil, awan *towering cumulus* sudah terbentuk serta kandungan wap air yang banyak di ka-

wasan itu.

"Malah kita dapati awan di kawasan berkenaan mempunyai potensi untuk menghasilkan lebih 80 peratus hujan," kata beliau selepas bertemu para pegawai yang menyertai operasi tersebut di Pangkalan Tentera Udara Subang di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail dan Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan Jabatan Meteorologi Malaysia, Azhar Ishak.

Operasi dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) itu bermula pukul 2.20 petang menggunakan pesawat C-130 Hercules yang membawa 1,000 liter air dan 150 kilogram garam untuk digunakan dalam misi tersebut.

Katanya, meskipun beberapa kawasan di seluruh negara sudah mula hujan sejak beberapa hari lalu, pihaknya akan meneruskan operasi

berkenaan sehingga masalah air selesai.

"Terdapat beberapa kawasan yang sudah ada hujan seperti di Melaka yang mengalami hujan lebat semalam, begitu juga di beberapa negeri lain yang dijangka hujan.

"Bagaimanapun, kita akan meneruskan operasi itu di kawasan lain yang menghadapi masalah air sehingga isu itu selesai," jelasnya.

Dalam pada itu, Abu Bakar berkata, keadaan udara yang sedikit berjerebu tidak menjadi penghalang kepada pihaknya untuk meneruskan operasi tersebut.

"Tidak ada masalah walaupun keadaan sedikit jerebu. Bagaimanapun, penglihatan agak sedikit kabur pada jarak satu kilometer," katanya.

Tambah beliau, operasi pembenihan awan itu juga diharap dapat membantu masyarakat untuk menghadapi masalah bekalan air dan jerebu.

"Jika hujan, semua masalah dijangka boleh selesai. Jadi, kita harap apabila hujan nanti, dapat membantu menyelesaikan masalah jerebu dan bekalan air," katanya.

Di **SHAH ALAM**, selepas hampir tiga minggu mengalami cuaca panas dan kering, bandar raya ini menerima hujan hasil daripada proses pembenihan awan petang ini.

Hujan renyai-renyai turun pukul 6 petang tetapi untuk tempoh agak singkat iaitu kira-kira 15 minit.

Selain Shah Alam, beberapa kawasan di daerah Gombak dan Hulu Langat turut menerima hujan.

Di **PUTRAJAYA**, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan mengalami hujan petang ini walaupun sekitar 15 minit sahaja selepas lebih sebulan dilanda kemarau.

Hujan sekejap bermula pukul 6.15 petang itu sedikit sebanyak melegakan para penduduk Putrajaya.



ABU Bakar Mohammad Diah (dua dari kiri) meninjau persiapan pembenihan awan sambil diberi penerangan oleh komander pesawat yang menjalankan misi tersebut, Mejar Tan Thian Khim (kanan) di Pangkalan TUDM, Subang, Selangor, semalam. - UTUSAN/ROY AZIS ABD. AZIZ

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 12
TARIKH: 04 MAC 2014 (SELASA)

Hujan turun di sekitar Kuala Lumpur, Selangor
Pembenihan awan berjaya



ABU BAKAR (tengah) meninjau persiapan pembenihan awan yang menggunakan pesawat Hercules C-130H di Subang, Selangor semalam.

SUBANG – Operasi pembenihan awan yang dilakukan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) pada pukul 3 petang semalam berjaya apabila hujan turun di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor selepas operasi itu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohammad Diah berkata, hasil pemantauan imej radar, pihaknya mendapati hujan mulai turun selepas 15 minit operasi itu seperti di Hulu Langat, Kuala Kubu Bharu, Ulu Kelang dan Semenyih.

“Kejayaan itu disebabkan kawasan-kawasan tersebut pada hari ini (semalam) sesuai untuk operasi berkenaan kerana keadaan atmosferanya yang tidak stabil, awan *towering cumulus* (kumululus menjulang) terbentuk serta kandungan wap air yang banyak di kawasan itu.

“Malah, kita juga mendapati awan di kawasan itu mempunyai potensi untuk menghasilkan hujan sebanyak 80 peratus,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas bertemu pegawai JMM yang menyertai operasi itu di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah JMM, Datuk Che Gayah Ismail.

Katanya lagi, pihaknya juga mendapati hujan juga turun bukan sahaja di kawasan operasi tetapi turut meliputi kawasan sekitar Subang dan Rawang.

“Operasi dengan kerjasama TUDM itu menggunakan pesawat Hercules C-130H dengan membawa sebanyak 1,000 liter air dan 150 kilogram garam untuk digunakan dalam misi tersebut,” katanya

Info Pembenihan Awan

- Kos untuk proses pembenihan awan selama tiga jam dianggarkan sekitar RM100,000
 - Memerlukan awan *towering cumulus* (kumululus menjulang)
 - Menggunakan bahan natrium klorida (garam) yang disembur ke dalam awan
 - Mempercepat perkembangan titisan air sehingga mencapai saiz cukup besar, berat dan turun sebagai hujan
 - Memerlukan angin yang tidak stabil selain bergerak dalam beberapa hala pada ketinggian 1,524 meter hingga 4,267 meter dari paras laut
 - Bergantung kepada keadaan atmosfera dan terdapatnya pembentukan awan bersesuaian
 - Persediaan awal mengetahui maklumat cuaca terkini dan data cuaca berkaitan
- Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 30
TARIKH: 04 MAC 2014 (SELASA)

Operasi berjaya



ANGGOTA Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menjalankan operasi pembenihan awan, semalam.

■ Ibu kota, Selangor hujan selepas pembenihan awan JMM

Oleh Nur Lela Zulkipli
nurlela@mediaprima.com.my
Subang Jaya

Operasi pembenihan awan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) menemui kejayaan apabila hujan lebat melanda beberapa kawasan di Kuala Lumpur dan Selangor, petang semalam.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohammad Diah berkata, berdasarkan pemantauan imej radar, beberapa kawasan menerima hujan kira-kira 15 minit selepas operasi pembenihan yang dijalankan pada jam 2 petang.

"Alhamdulillah, proses pembenihan memberi tindak balas positif, sekali gus mempercepatkan hujan.

"Pencemaran udara yang menyebabkan jerebu juga dapat dikurangkan beriku-

tan hujan," katanya ditemui ketika operasi pembenihan awan di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di sini, semalam.

Operasi pembenihan awan itu turut dijalankan di Hulu Klang, Kuala Kubu Bharu, Kuala Lumpur dan Semenyih walaupun berdepan cabaran jarak penglihatan terhadap kurang dari lima kilometer berpunca akibat keadaan jerebu.

Beliau berkata, kawasan yang terbabit dalam operasi kali ini mempunyai pembentukan awan 'Towering Cumulus' melebihi 80 peratus yang sesuai untuk dilakukan operasi pembenihan awan.

"Buat masa ini, kita akan tumpukan perhatian di kawasan kritikal yang mempunyai kewujudan awan 'Towering Cumulus' yang banyak, kemudian baru kita akan beralih ke kawasan

“Pencemaran udara yang menyebabkan jerebu juga dapat dikurangkan berikutan hujan”

Dr Abu Bakar Mohammad Diah

lain bagi tujuan pembenihan awan supaya masalah kekurangan air di empangan dapat diatasi," katanya.

Sementara itu, Pengarah Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan JMM Azhar Ishak berkata, pihaknya hanya boleh melihat pada jarak sejauh satu kilometer hingga menyukarkan penentuan navigasi ketika menjalankan operasi berkenaan.

"Bagaimanapun kita akan tetap meneruskan operasi

pembenihan awan memandangkan keadaan atmosfera yang sesuai dan kandungan wap air berat pada awan.

"Operasi akan diteruskan pertengahan bulan ini berikutan hujan diramalkan akan kerap bermula Mac hingga April," katanya.

Dalam perkembangan sama, sehingga semalam, stesen data taburan hujan di beberapa empangan dan kawasan tadahan air sekitar Selangor turut mencatatkan peningkatan paras air selepas hujan lebat di ibu negara, petang semalam.

Antaranya, Empangan Selangor dan Kuala Kubu Baru meningkat 30 milimeter (mm), Empangan Semenyih (29), Empangan Hulu Selangor dan Empangan Kajang (21), Empangan Selayang (16), Empangan Ampang Jaya (11), Empangan Langat (lima) dan Empangan Klang Gates (satu).

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 8
TARIKH: 04 MAC 2014 (SELASA)

Kaji skim pekerja di bawah MOSTI

Putrajaya: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) meminta kerajaan mengkaji semula skim pekerja membabitkan tiga institusi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Presiden CUEPACS, Azih Muda, berkata ia membabitkan Institut Farmaseutikal

dan Nutraceutikal Malaysia (IPharm), Institut Agro-Bioteknologikal Malaysia (ABI) dan Institut Genom Malaysia (MGI) yang bakal digabung di bawah Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM).

"Antara skim yang dilihat tidak memberi keadilan kepada pekerja tiga institusi ini ialah gaji, persaraan, kelaya-

kan gratuiti dan skim perubatan yang tidak sama sebelum dikorporatkan," katanya dalam sidang media di Universiti Putra Malaysia malam tadi.

Pada 17 Februari lalu, Azih meminta MOSTI menangguhkan pelaksanaan pengkorporatan tiga institusi miliknya sehingga 1 Mac dan mencari jalan penyelesaian terbaik dalam permasalahan itu demi menjaga kebajikan kakitangan, namun langkah itu tetap diteruskan.

Justeru, CUEPACS meminta Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa, mengambil perhatian terhadap permasa-

lahan itu kerana membabitkan kebajikan kakitangan institusi berkenaan untuk jangka panjang.

Azih berkata, pihaknya Cuepacs kesal dengan tindakan pengurusan tertinggi institusi terbabit yang dilihat seperti memaksa 71 kakitangannya untuk menandatangani skim korporat pada hujung Februari lalu.

"Selepas menerima tekanan pengurusan tertinggi, sama ada menerima tawaran atau diberhentikan kerja dan tidak dibayar gaji, kakitangan tiada pilihan selain menandatangani skim berkenaan," katanya.

BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 25
TARIKH : 04 MAC 2014 (SELASA)

Kaji semula terma korporat 3 institusi MOSTI

KUALA LUMPUR 3 Mac - Kerajaan digesa untuk mengkaji semula terma-terma di bawah pengkorporatan tiga institusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan segera bagi memastikan kebajikan kakitangan awam yang terlibat terbela.

Tiga institut terbabit ialah Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPharin); Institut Agro-Bioteknologikal Malaysia (ABI) serta Institut Genom Malaysia (MGI) yang akan digabung menjadi Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM).

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Azih Muda

berkata, perkara itu amat penting memandangkan beberapa syarat dan faedah yang ditawarkan di bawah pengkorporatan tiga agensi itu dilihat tidak setimpal berdasarkan kepakaran yang dimiliki oleh kakitangan yang telah lama berkhidmat.

“Antara faedah yang terjejas menerusi skim korporat yang ditawarkan ialah gaji, skim persaraan, kelayakan gratuiti dan perubatan yang tidak sama sebelum dikorporatkan.



AZIH MUDA

“Perkara ini menyebabkan penjawat awam berasa tertekan. Oleh itu, kami berharap agar kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memberi perhatian serius berikutan hal ini melibatkan kebajikan kakitangan awam,” katanya dalam sidang akhbar berkenaan pengkorporatan tiga agensi di bawah MOSTI di sini hari ini.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk

Dr. Abu Bakar Mohamad Diah bersetuju menangguhkan sementara pengkorporatan tiga agensinya pada 1 Mac ini sehingga tempoh yang belum ditetapkan ekoran rayuan yang dikemukakan CUEPACS.

Bagaimanapun, menurutnya, langkah pengkorporatan tiga agensi terbabit akan tetap dilaksanakan kerana telah diputuskan oleh Kabinet.

Jelas Azih Muda, kenaikan gaji yang ditawarkan menerusi skim korporat itu jauh lebih rendah.

“Sepatutnya gaji yang ditawarkan tidak kurang 17.5 peratus daripada gaji semasa namun kami dapati penjawat awam bakal menerima hanya RM300 yang tidak memenuhi syarat dinikmati oleh ka-

kitangan awam biasanya,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya berasa kesal dengan tindakan segelintir pegawai tinggi di tiga institusi terbabit yang mengarahkan kira-kira 71 pekerja institusi berkenaan untuk menandatangani skim korporat secara paksa pada 27 Februari lalu.

“Difahamkan kebanyakan pekerja terbabit terpaksa akur dengan tekanan yang diberikan oleh pihak pengurusan yang tidak mengajak berunding sebaliknya memberi pilihan sama ada untuk menyertai skim tersebut atau diberhentikan perkhidmatan serta tidak dibayar gaji,” katanya.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 04 MAC 2014 (SELASA)



K'jaan Diminta Kaji Semula Skim Pekerja Di Institusi Milik Mosti

PUTRAJAYA, 3 Mac (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) meminta kerajaan mengkaji semula skim pekerja di tiga institusi di bawah **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)**.

Presiden Cuepacs Azih Muda berkata institut terbabit ialah **Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPharm), Institut Agro-Bioteknologikal Malaysia (ABI) dan Institut Genom Malaysia (MGI) yang bakal digabung di bawah Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM)**.

"Antara skim pekerja yang dilihat tidak memberi keadilan kepada para pekerja di tiga institusi ini ialah skim gaji, skim pesaraan, kelayakan gratuity dan skim perubatan yang tidak sama sebelum dikorporatkan," katanya dalam sidang akhbar di Universiti Putra Malaysia malam ini.

Pada 17 Feb lepas, Azih meminta Mosti menangguh pelaksanaan pengkorporatan tiga institusi miliknya sehingga 1 Mac dan mencari jalan penyelesaian terbaik dalam permasalahan itu demi menjaga kebajikan kakitangan namun langkah berkenaan tetap diteruskan.

Justeru, Cuepacs meminta Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa mengambil perhatian terhadap permasalahan itu kerana membabitkan kebajikan kakitangan di institusi berkenaan untuk jangka panjang.

Azih berkata Cuepacs kesal dengan tindakan pihak pengurusan tertinggi di institusi terbabit yang dilihat seperti memaksa kira-kira 71 pekerjanya untuk menandatangani skim korporat pada hujung Februari lepas.

"Selepas menerima tekanan daripada pengurusan tertinggi, sama ada menerima tawaran atau diberhentikan kerja dan tidak dibayar gaji, pekerja tiada pilihan selain menandatangani skim berkenaan," katanya.

-- BERNAMA

Six areas record 'unhealthy' API readings

THARANYA ARUMUGAM

KUALALUMPUR: The haze caused by the dry spell has resulted in six areas in the peninsula recording unhealthy Air Pollutant Index (API) readings yesterday while 22 areas recorded moderate levels.

Port Klang recorded the highest API level, with 110 at 1pm before increasing to 131 at 5pm.

Other unhealthy areas included Banting (117), Putrajaya (110), Seri Manjung (107), Cheras (105) and Kampung Air Putih in Taiping (102). All the areas recorded worsening levels, compared with their 1pm readings of 86, 75, 100, 63 and 99, respectively.

The air quality in other areas also approached unhealthy level, including Bakar Arang in Sungai Petani (99), Shah Alam (98), Petaling Jaya, Muar (both 95), Seberang Jaya in Perai (94) and Batu Muda here (91).

→ Turn to Page 4

A loadmaster onboard a Royal Malaysian Air Force Lockheed Martin C-130 Hercules monitors the cloud seeding operation yesterday over Kuala Lumpur, Hulu Langat and Gombak.

Pic courtesy of the Malaysian Meteorological Department

DoE pins blame on open burning

→ From Page 1

A reading of between 0 and 50 is categorised as good, 51 and 100 as moderate, 101 and 200 as unhealthy, 201 and 300 as very unhealthy and 300 and above as hazardous.

The Department of Environment (DoE) attributed the worsening haze to open burning — peat, bush and forest fires — in several areas in Selangor, Perak, Pahang, Johor, Kedah, Kelantan and Terengganu.

Its director-general, Datuk Halimah Hassan, said the dry spell caused suspended dust particles to accumulate in the air, causing haze.

She said the air quality was also caused by industrial activities, vehicle emissions and construction and earth works.

"We will continue monitoring the air quality status through 52 stations nationwide to identify any changes in the API.

"We have also activated the 'Prohibition of Open Burning plan' and standard operating procedure on the prevention of peat fires since Feb 4. Those violating the Environmental Quality Act 1974 on the prohibition on open burning can be fined a maximum of RM500,000 or jailed five years or both."

Halimah said Peninsular Malaysia was expected to experience a dry spell until the middle of this month, adding that rainfall and thunderstorms would occur in the afternoon and at night in the inlands of Perak, Selangor and Pahang.

Malaysian Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said the haze had worsened since Saturday.

"The wind level has been low in most parts of the country. Coupled with the stable atmosphere, it has caused dry haze particles to remain stationary or trapped.

"To clear the haze, we need heavy rainfall. However, at the moment, there are only isolated showers in some areas," she said, adding that haze was a normal occurrence during the dry spell.

She said the haze was expected to improve in the middle of the month when the inter-monsoon season starts and maximum rainfall would occur in the country, especially in west coast states.

Che Gayah said another episode of haze was expected to occur in June during the southwest monsoon season, when the wind blows from Sumatra, Indonesia. Currently, the wind is blowing from the South China Sea.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 16
TARIKH: 04 MAC 2014 (SELASA)

Pembenihan awan cetus hujan

Subang: Pembentukan awan kali pertama dijalankan mulai jam 3.10 petang semalam, berjaya mencetuskan hujan di beberapa lokasi sekitar Lembah Klang.

Operasi pembentukan awan terbabit dilakukan sekitar kawasan tadahan air dan empangan di Hulu Langat, Kuala Kubu Bharu, Hulu Kelang, Semenyih di Selangor serta sebahagian kawasan ibu kota.

Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembentukan Awan Jabatan Meteorologi (JMM), Azhar Ishak, berkata operasi pembentukan awan dijayakan oleh empat petugas Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan JMM.

Beliau berkata, pesawat Hercules C-130 yang digunakan dalam operasi terbabit, terbang sehingga ketinggian 7,000 kaki dari aras laut, sebelum proses pembentukan awan dilakukan.

"Sebelum berlepas, kami mengenal pasti kawasan yang mempunyai banyak awan Towering Cumulus dengan udara lembap.


"Sejurus pembentukan awan dilakukan pada ketinggian itu mulai jam 3.10 petang, kita dapati hujan mula dialami sekitar jam 3.30 petang," katanya.

Kenal pasti kawasan

Azhar berkata, operasi pembentukan awan akan diteruskan hari ini, tetapi kawasan tumpuan sedang dikenal pasti.

Katanya, susulan hujan yang dialami sejak kelmarin, beberapa empangan dan kawasan tadahan air di Lembah Klang mencatatkan peningkatan paras.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, ketika meninjau persiapan ope-



Anggota Tentera Udara Diraja Malaysia melakukan proses pembentukan awan di ruang udara kawasan takungan air dan kering. [FOTO IHSAN JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA]

ras pembentukan awan, berkata kejayaan operasi pembentukan awan kali pertama semalam, berpunca daripada keadaan atmosfera yang

tidak stabil.

"Hari ini, proses pembentukan awan ditumpukan di Selangor kerana faktor cuaca memenuhi syarat

untuk membolehkan operasi dilaksanakan. Kita akan memperluaskan operasi di kawasan lain yang memerlukan," katanya.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 2
TARIKH: 04 MAC 2014 (SELASA)

> Reports by ISABELLE LAI, G. SURACH, TASHNY SUKUMARAN, AUSTIN CAMOENS, KAREN CHAPMAN, PRIYA MENON, FLORENCE A. SAMY, ONG HAN SEAN and SARBAN SINGH

Cloud seeding brings brief respite

Operation to induce rainfall provides break from heat and haze in Selangor

PETALING JAYA: The Meteorological Department's cloud seeding operation over Selangor brought a brief break from the stifling heat and choking haze.

The department's national weather centre director Muhammad Helmi Abdullah said yesterday's operation was to induce rainfall over dams and water catchment areas.

He said cloud seeding had also been planned over parts of Malacca, Negeri Sembilan and Johor but there were not enough clouds there.

"We target rain clouds over or near dams and water catchment areas," he told *The Star*.

"Even if the clouds are not directly above the areas, we expect the winds to carry them towards these places."

Muhammad Helmi said the evening operation was a success because it brought about rainfall in several areas but until late yesterday it was not known if the rain was enough to raise water levels at the dams.

Muhammad Helmi said the operation was led by the department's atmospheric science and cloud seeding division, using a Royal Malaysian Air Force (RMAF) aircraft carrying four 1,000-litre tanks of water containing 150kg of salt each.

He said the division identified suitable conditions for cloud seed-



Men on a mission: RMAF members preparing for the cloud seeding operation in Kuala Lumpur.

ing, based on Sunday's weather forecast and alerted RMAF to be on standby.

Another round of cloud seeding would be done today provided weather conditions were suitable.

Explaining the process, he said, cloud seeding was a method of inducing rain, and not making rain.

"Salt solution is sprayed at the base of the identified clouds. The particles will be carried upwards by

thermals or upward currents of warm air.

"This will form water vapour that will grow in size as it moves upwards until they grow heavy and fall down as rain.

"Through cloud seeding, we are actually accelerating the process of rainfall production as well as increasing the amount of rainfall.

"It takes between 15 minutes to half an hour for rain to fall after the solution has been sprayed," he added.

Muhammad Helmi said there was a "very narrow window of opportunity" over the past week as the weather conditions kept fluctuating.

He said the winds were also stronger, resulting in low chances of rain clouds being formed.

In SEREMBAN, a downpour in several areas in the state over the weekend brought some relief but did little to replenish supply in the four major dams.

Checks with Syarikat Air Negri Sembilan showed that levels at the Sg Terip, Kelinchi, Talang and Gemenchek dams remained at near critical levels.

The level at the Sg Terip dam, which supplies treated water to households here, was at 100.12m, about six metres above the 94.6m critical mark.

As for the Kelinchi dam, it was at 199.1m (critical level 198.3m) while Talang was at 148.45m (140.5m) and Gemenchek at 99.66m (98m).

All households in the state, however, have continued to receive supply.

Cloud seeding produces heavy rain

SUCCESS: Second phase of operation at 1pm today, says Meteorological Dept

KUALA LUMPUR

SEVERAL areas in the Klang Valley received much-needed rainfall yesterday, thanks to the success of a cloud seeding operation by the Meteorological Department (MMD) and Royal Malaysian Air Force (RMAF).

The operation produced rain around the city centre, Hulu Langat and Gombak, beating the long dry spell and improving visibility in some haze-affected areas.

The rainfall in Hulu Langat and Gombak could have also contributed to the increased water level in the Langat and Klang Gates Dams.

Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said the cloud seeding operation focused on areas that had a suitable formation of cumulus clouds in the Klang Valley and not just near catchment areas.

"We hope residents in the affected areas will be pleased with the results, as the rainfall amount is forecast to be about 15 per cent more than the usual amount we get in March," he said, adding that Malaysia had conducted 128 cloud seeding operations since 1973 and held a 100 per cent success rate.

A Charlie C130 Hercules plane took off from the RMAF base in Subang at 2.30pm yesterday to carry out the operation, which took three hours.

It dispersed a sodium chloride solution into suitable cumulus clouds.

Results were seen as quickly as 30 minutes after the operation.

"We only proceed with cloud seeding if there is a more than 80 per cent success rate.

"This is why we are careful, and detailed research needs to be done before we carry out the operation," he said, adding that the rain would also improve visibility in the Klang Valley, which has been affected by the haze.

He said the ministry, MMD and RMAF would continue with the cloud seeding operation as long as the dry spell continued.

MMD director-general Datuk Che Gayah Ismail said the current light and variable wind was favourable for the formation of towering cumulus clouds, which was the most suitable cloud for cloud seeding.

She said the cloud seeding was also done in non-catchment areas, as it would help decrease air pollution in the Klang Valley.

"We used to do cloud seeding only in catchment areas. But now, we need to kill two birds with one stone, as the haze has worsened over the past few days."

She said initially, cloud seeding operations were supposed to take place in

other critical areas, such as Johor and Negri Sembilan, but the formation of cumulus clouds could not be seen on the radar.

The plane was flown by flight commander Major Tha Thian Khim, with officials from MMD and several RMAF crew members.

MMD Atmospheric Science and Cloud Seeding Division director Azhar Ishak said the second phase of cloud seeding would be carried out at 1pm today.



WATER CRISIS

TRIPLE WHAMMY AS HAZE HITS THE KLANG VALLEY

PETALING JAYA: First, it was weeks of a dry spell. Then came the water shortage. Now, Klang Valley residents have to contend with the haze as well.

Despite a brief shower in the evening, yesterday's air pollutant index (API) reading shot up to unhealthy levels in five places in the Klang Valley with Port Klang registering 136 (API of 100 to 200 is categorised as unhealthy) at 6pm.

The other places include Seremban (112) in Negri Sembilan, Shah Alam (101) and Banting (117) in Selangor while Seri Manjung, Perak,

recorded 109.

According to the Department of Environment (DOE) website, several areas registered moderate air quality (API 51 to 100) as at 6pm. They were Batu Muda (92) in Kuala Lumpur, Petaling Jaya (100) and Kuala Selangor (98) in Selangor.

Other states that recorded moderate to unhealthy air readings included Taiping (100) and Ipoh (83) in Perak, and in Muar, Johor (97), Prai in Penang (94), and Sungai Petani, Kedah (99).

Meteorological Department national weather centre director

Muhammad Helmi Abdullah said it was not unusual for parts of Malaysia to experience hazy conditions during this time of the year, as it was the dry season due to the end of the north-east monsoon season.

He said, however, that this year's haze was worse than last year's and attributed it to open burning, forest fires and peat fires.

"The haze has nothing to do with our neighbours. It is not transboundary haze but our own doing," he said.

He also said there was neither sufficient rain nor strong winds to help

clear or disperse haze particles during long periods of dry weather.

In a statement yesterday, the DOE stated that the current moderate haze that the country is experiencing is due to land and forest fires in several states including Selangor, Perak, Pahang, Johor, Kedah, Kelantan and Terengganu.

The department said that the current hot and dry weather conditions caused suspended dust particles to accumulate in the air, which resulted in haze.

Additionally, the department noted that various pollutant sources

such as industrial emissions, motor vehicles and earthworks contributed to the increasing API levels.

The DOE said the peninsula is not expected to receive much rain until mid-March.

"However, rain and thunderstorms can occur in the afternoon and early evening in the interior of Perak, Selangor and Pahang," it said.

Based on the daily weather forecasts by the Meteorological Department, the possibility of peninsular Malaysia being hit by transboundary haze is currently low due to the wind patterns.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATIONAL) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 04 MAC 2014 (SELASA)

**You can't
quite
see at sea**

KUALA LUMPUR: The low horizontal visibility of less than five kilometres in the waters of Kedah, Penang, Selangor, Negri Sembilan, Malacca and the northern Straits of Malacca is expected to persist until Saturday.

A statement issued by the Malaysian Meteorological Department yesterday said the low visibility was due to the haze.

The situation was dangerous to ships which did not have navigational equipment. —
Bernama

'Lower water levels in dams'

KUALA LUMPUR: Continuous rain in water catchment areas at dams and rivers upstream of water treatment plants is needed to end the prolonged water woes.

The Drainage and Irrigation Department's Water Resources and Hydrology division director Datuk Hanapi Mohamad Noor said Sunday's rain, unfortunately, did not fall in the water catchment areas, and thus, did not increase the water levels in dams and rivers.

"In fact, most of the 23 rivers and 21 dams nationwide recorded reduced water levels."

He said gravity would cause rain that fell to flow into the dams as ground water or surface water, thereby contributing to an increase in the water levels in the dams.

"How much the water levels in the dams increase depends on how much rain falls in the water catchment areas over a period of time."

He said to end the water shortage, the water levels in the dams should rise to at least their normal levels.

"The normal level for the Klang Gates Dam is 94m and its current level is at 89.88m.

"Therefore, the water level should increase by more than 4m to ensure that the available water is sufficient."

For the Sungai Selangor Dam, the

normal level is 220m and the current level is 195.4m. Thus, it has to increase by at least 5m to be considered sufficient.

Hanapi said efforts by the Meteorological Department to induce rain in the water catchment areas using the cloud seeding technique would help end the current water woes.

"The water pollution caused by the high ammonia content at the Sungai Langat water treatment plant should also be resolved quickly, so that the water rationing can be stopped."

He said using ground water by constructing tube wells in locations near water treatment plant intakes was another way to solve the water crisis.

"Studies have shown that one tube well can supply about one million litres of water per day.

"This would be enough for 5,000 people, based on the current consumption of 200 litres per person per day."

The Klang Gates Dam catchment area covers 77 sq km, which includes Genting Sempah, Sungai Pusu and Kemensah.

The Sungai Selangor Dam catchment area covers 197 sq km, including Kuala Kubu Baru and Hulu Selangor.

Shrouded *in* haze



Unhealthy air in Klang Valley
and Penang with API above 100

BY ANNIE FREEDA CRUEZ,
VATHANI PANIRCHELVUM,
EDMUND LEE AND KENNETH AU
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: The Klang Valley and Penang were shrouded in haze yesterday morning, with air pollutant index (API) readings as high as 135 in Cheras here.

The isolated rainfall in the evening in parts of the Klang Valley did little to help reduce the haze, with visibility deteriorating to less than 5km in some places.

The Malaysian Meteorological Department (MMD) and Department of Environment (DOE) said although it rained, the situation could still be the same due to the wind pattern from neighbouring countries, intense heat, industrial and motorised vehicle smoke emission, construction site pollution and bush fires.

An MMD spokesman told *the Sun* that the temperature recorded on Sunday was 37°C, dropping slightly

due to light rainfall in some areas.

"The heat is due to a lack of rain and has nothing to do with volcanic ash as some claim," he said.

Outbreak of bush fires, he said, was another contributing factor to the haze and heat.

MMD also warned of low horizontal visibility of less than 5km in the waters off Kedah, Penang, Selangor, Negri Sembilan, Malacca and the northern Straits of Malacca, which is expected to persist until Saturday.

It said the situation is dangerous to ships which do not have navigation equipment.

The API recorded by the DOE (see graphic on Page 5) shows how the haze worsened progressively in the Klang Valley and Penang yesterday. It also showed Sri Manjung in Perak recording an API of 105 at 4pm.

The unhealthy levels were seen in Banting, with a reading of 115, Port Klang (127), Shah Alam (106),

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 14
TARIKH: 04 MAC 2014 (SELASA)



Seorang wanita menutup hidungnya akibat jerebu yang melanda Klang, semalam.

[FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH]

Tahap penglihatan merosot

Kuala Lumpur: Jerebu yang melanda menyebabkan sebahagian perairan Pantai Barat kini berdepan tahap ketampakan mendatar kurang lima kilometer.

Itu membabitkan perairan Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selat Melaka Utara, situasi yang dijangka berterusan sehingga Sabtu depan.

Jabatan Meteorologi Malaysia berkata, ketampakan rendah itu disebabkan jerebu dan situasi terbahit berbahaya kepada kapal

yang tidak dilengkapi peralatan navigasi.

Di **Georgetown**, Indeks Pencemaran Udara (IPU) sekitar Pulau Pinang hampir mencecah kategori tidak sihat petang semalam dengan Seberang Jaya 2 mendahului bacaan 94.

Kualiti udara terjejas

Sehingga jam 6 petang semalam, dua kawasan turut mengalami keadaan sama iaitu Perai dan Universiti Sains Malaysia (USM), masing-masing mencatatkan bacaan

IPU 88 dan 82.

Sementara itu, tinjauan *BH* mendapati, jerebu tebal menyelubungi sekitar Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang baru dirasmikan Sabtu lalu.

Pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Badlishah Ahmad, berkata cuaca panas berterusan menjadi punca jerebu dengan kebakaran hutan Bukit Bendera, tanah perkuburan dan tapak pelupusan sampah negeri itu turut menjejaskan kualiti udara.

Rains next week may bring relief

MET FORECAST: Dry spell, haze may end soon due to inter-monsoon season

KUALA LUMPUR

THE prolonged dry spell, which caused water levels at rivers and dams nationwide to drop, and also contributed to the haze situation nationwide, may end next week at the earliest.

Malaysian Meteorological Department central forecast division director, Muhammad Helmi Abdullah said the inter-monsoon season, which is expected to begin next week and last until April will bring

frequent rainfalls.

The season usually brings light and variable winds which could develop clouds, and subsequently lead to thunderstorms.

"The inter-monsoon season is expected to bring widespread rain, that will be more frequent in the afternoons and evenings in the peninsula as well as Sabah and Sarawak.

"The amount of rainfall is forecast to range between 100 millimetres and 300 millimetres this month, while next month it may range between 200 millimetres and 400 millimetres, which is a significant increase compared with the rainfall last month," Helmi said.

However, a National Water Services Commission official said water rationing would only end if heavy rainfalls occur in water catchment areas, especially in critical spots such as rivers in the Klang Valley.



DRY SPELL



A woman covers her face while cycling home in Klang, Selangor yesterday after haze shrouded large parts of the royal town and surrounding areas yesterday. Pic by Roslin Mat Tahir

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 11
TARIKH: 04 MAC 2014 (SELASA)**

Masalah jarak penglihatan berlarutan hingga Sabtu

KUALA LUMPUR - Tahap jarak penglihatan kurang daripada lima kilometer di perairan Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selat Melaka Utara dijangka berterusan sehingga Sabtu depan.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, tahap jarak penglihatan itu disebabkan fenomena jerebu yang berlaku di beberapa kawasan pada masa kini.

Jelas kenyataan itu, situasi berkenaan berbahaya kepada kapal yang tidak dilengkapi peralatan navigasi. - Bernama

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 11
TARIKH: 04 MAC 2014 (SELASA)**

Hujan tidak kurangkan masalah jerebu

KUALA LUMPUR - Fenomena jerebu yang melanda Lembah Klang, Putrajaya dan beberapa kawasan ketika ini tidak berkurangan walaupun dilanda hujan lebat lewat petang semalam.

Seorang jurucakap Jabatan Meteorologi Malaysia berkata, hujan didapati tidak dapat membantu mengurangkan masalah jerebu yang sedang dialami di beberapa kawasan tersebut berikutan keadaan jerebu agak tebal.

"Keadaan ini berlaku kerana jerebu yang melanda kawasan di sekitar Lembah Klang agak tebal dan untuk mengurangkan pencemaran itu, sekurang-kurangnya hujan perlu turun dalam tiga hingga empat hari secara berturut-turut.

"Walaupun begitu, hujan yang turun hari ini (semalam) mungkin dapat membantu dalam memadamkan kebakaran kecil hutan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 04 MAC 2014 (SELASA)

Punca dalaman penyebab jerebu

SHAHALAM- Keadaan jerebu sederhana yang dialami ketika ini adalah disebabkan punca dalaman berikutan kebakaran tanah dan hutan di beberapa buah negeri di Semenanjung antaranya di Selangor, Perak, Pahang, Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Jabatan Alam Sekitar dalam satu kenyataan berkata, keadaan cuaca panas dan kering menyebabkan partikel habuk terampai dan berkumpul di udara menyebabkan ruang

udara berjerebu, selain terdapat punca dalaman lain daripada pelepasan industri, kenderaan bermotor dan kerja tanah.

Menurut kenyataan itu, berdasarkan ramalan cuaca harian oleh Jabatan Meteorologi, kemungkinan Semenanjung dilanda jerebu merentasi sempadan pada masa kini adalah rendah disebabkan oleh corak tiupan angin dari negara jiran iaitu dari arah timur laut tidak menghala ke Semenanjung Malaysia.

Jerebu yang melanda sekitar Shah Alam yang dirakam dari Lebuhraya Persekutuan, semalam.



Jerebu di sekitar bandar Shah Alam yang dirakam dari Wisma MBSA, semalam.



Pemandangan Cruise Tasik beriatar belakang Bangunan Perdana Putra dan Masjid Putra kurang jelas berikutan jerebu di Putrajaya, semalam.



Pemandangan dari udara bandar raya Kuala Lumpur yang terjejas dengan jerebu, semalam.



Pemandangan di sekitar kawasan Pelabuhan Klang Utara berjerebu sejak pagi semalam.



Sebahagian bangunan di Shah Alam sukar dilihat dengan jelas pada jarak 1 kilometer.



KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 13
TARIKH : 04 MAC 2014 (SELASA)

Antara betul-betul sakit dengan sengaja cari penyakit

ALHAMDULILLAH. Selepas sekian lama berpanas, mengalami cuaca kering dan jerebu, hujan lebat menyimbahi ibu kota dan beberapa negeri, semalam.

Tak pasti adakah berkat solat hajat yang dilakukan oleh umat Islam di seluruh negara atau usaha pembenihan awan oleh Jabatan Meteorologi, yang pasti, ia hujan rahmat.

Walaupun hujan tidak turun betul-betul di empangan atau kawasan tadahan air, tempiasnya cukup membuatkan ramai yang mengucap syukur, menarik nafas lega bahkan ada yang tersenyum lebar.

Setidak-tidaknya ia mengurangkan bahang haba akibat cuaca panas kering yang melanda negara dan menyuci atmosfera yang 'berasap dan kelabu' akibat jerebu teruk dua hari kebelakangan ini.

Harap-harap hujan lebat walaupun sekejap itu dapat menyirami pokok dan haiwan yang sebelum ini kekeringan dan kepanasan, di samping sawah padi yang kering-kontang akibat kemarau.

Diharap juga air hujan semalam dapat memadamkan bara semak, belukar atau tanah gambut yang mungkin sedang atau menunggu masa untuk terbakar.

Tidak pernah seingat penulis, kedatangan hujan cukup dialu-alukan di negara ini. Yang berlaku sebelum ini, kita sering merungut apabila hujan kerana mungkin



Coretan Marhaen

marhaeni.kemaru@dn@utusan.com.my



menyebabkan baju di ampai basah, jalan lecek, tanaman terendam atau temu-janji terbatal.

Dalam konteks ini, ungkapan bahawa; "kita hanya tahu menghargai seseorang setelah ketiadaannya", bolehlah diubah suai untuk keadaan terdesak yang dialami rakyat Malaysia mengharap air dan hujan sejak akhir-akhir ini.

Diharapkan selepas melalui episod panas kering dan catuan air, semua orang akan lebih menghargai sumber alam semulajadi itu.

Seperkara yang lain, cuaca tidak menentu, panas melampau dan jerebu, membawa bersamanya ancaman penyakit daripada strok haba, selesema, sesak nafas dan berbagai-bagai lagi.

Nyamuk aedes yang sudah melalui proses mutasi juga dikatakan semakin kebal dengan cuaca dan boleh menyerang bila-bila masa.



SEORANG pelancong merakamkan gambar Menara Berkembar Petronas (KLCC) ketika ruang udara Kuala Lumpur diselubungi jerebu, semalam. - BERNAMA

Justeru orang ramai perlu berwaspada dengan simptom penyakit dan segera berjumpa doktor bagi mendapatkan rawatan

sewajarnya sebelum terlambat.

Demam panas tidak boleh lagi diambil mudah kerana ia mungkin denggi. Loya dan pening juga jangan diambil lewa kerana anda mungkin terkena strok haba.

Pada masa sama, para doktor pula biarlah lebih prihatin apabila merawat pesakit. Janganlah semuanya didiagnosis secara pukul rata sebagai demam biasa atau selesema lalu dibekalkan panadol atau paracetamol sahaja.

Insiden seorang teman yang mengalami batuk berpanjangan tetapi tetap didiagnosis oleh doktor sebagai batuk biasa manakala benjolan di dada dikatakan bentan gara-gara gegaran batuk - namun akhirnya

disahkan oleh doktor lain menghidap barah tahap kritikal - membuatkan kita kadangkala tertanya-tanya kualiti doktor yang ada

di pasaran.

Berapa ramai yang ke klinik mengadu demam tetapi dipandang sebelah mata oleh doktor seolah-olah mahu menagih cuti sakit atau MC? Berapa ramai pula doktor yang tidak menyentuh pesakit pun, cukup sekadar memeriksa suhu badan dan terus 'tahu' ubat apa hendak diberi tanpa memeriksa simptom-simptom lainnya.

Adakah mereka tidak lagi berminat menjadi doktor? Atau sudah lali dengan pelbagai jenis pesakit dan penyakit? Atau sememangnya mereka tidak cukup pakar untuk mengenal penyakit? Walau apa pun, sementara sudah memilih doktor sebagai kerjaya, lakukan sebaik mungkin.

Dalam Islam, kerja itu ibadah. Ia menuntut sikap amanah dan tanggungjawab.

Mungkin tidak ada orang yang memantau kerja kita misalnya ketika merawat pesakit namun Allah melihat.

Sementara itu, orang ramai pula janganlah mengambil kesempatan daripada pelbagai ancaman penyakit sekarang dengan sibuk-sibuk memenuhkan klinik dan hospital jika tidak betul-betul sakit.

Dalam keadaan berjerebu dan dengan satu gigitan nyamuk pun berbahaya, apa kata kita kurangkan aktiviti luar, duduk rumah diam-diam dan jangan sengaja cari penyakit.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 04 MAC 2014 (SELASA)



Tahap Ketampakan Rendah Akibat Jerebu Dijangka Berterusan Sehingga Sabtu

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Tahap ketampakan mendarat kurang daripada lima kilometer di perairan Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selat Melaka Utara dijangka berterusan sehingga Sabtu depan.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia, tahap ketampakan yang rendah itu adalah disebabkan jerebu.

Situasi ini adalah berbahaya kepada kapal yang tidak dilengkapi peralatan navigasi.

-- BERNAMA

Penuhi kriteria bagi Akreditasi MS ISO/IEC 17025 Makmal makanan DBKL diiktiraf

Oleh MOHAMAD HARITH
MOHAMAD NIZAR
utusanikota@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 3 Mac - Makmal Kualiti Makanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerima akreditasi MS ISO/IEC 17025 di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) oleh Jabatan Standard Malaysia.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, pengiktirafan tersebut amat penting bagi membolehkan DBKL memastikan kualiti makanan di sekitar ibu negara terkawal dan selamat.

"DBKL akan mengukuhkan lagi makmal sedia ada supaya dapat menjalankan analisis kimia dan mikrobiologi terhadap tiga aspek yang penting dalam meneliti kualiti makanan.

"Aspek tersebut ialah sisa baki racun perosak, ujian kesegaran bahan-bahan makanan dan analisis bahan awet," katanya selepas Perhimpunan Bulanan DBKL di sini, hari ini.

Pada majlis itu, beliau menerima sijil Akreditasi MS ISO/IEC 17025 yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Fadilah Baharin.

Yang turut hadir Ketua Pengarah DBKL, Datuk Mhd. Amin Nordin Abd. Aziz.

Sementara itu, Ahmad Phesal memberitahu, makmal DBKL menjalankan perkhidmatan analisis saintifik sampel makanan bagi tujuan penguatkuasaan, aduan, krisis dan pemantauan.

"Selain itu, ia menyediakan perkhidmatan analisis makanan bagi lain-lain agensi kerajaan, swasta dan awam dengan dikenakan bayaran perkhidmatan.

"Setakat ini, terdapat sejumlah 22 kakitangan makmal yang terdiri daripada bahagian teknikal, ahli kimia, ahli mikrobiologi, penolong pegawai sains dan pembantu makmal," katanya.

Dalam pada itu, Fadilah menyatakan bahawa sijil tersebut hanya sah untuk tempoh tiga tahun dan makmal itu perlu konsisten supaya tempoh tersebut dapat dilanjutkan.

"Pengiktirafan sejak 21 Januari lalu itu memberi jaminan kepada masyarakat akan makanan yang berkualiti, selamat dan menyihatkan.

"Kita berharap banyak lagi makmal akan memenuhi kriteria yang ditetapkan agar mereka turut diberi pengiktirafan sekali gus mewujudkan keyakinan dalam kalangan pengguna," katanya.



AHMAD Phesal Talib (empat dari kanan) menerima sijil akreditasi daripada Fadilah Ibrahim (tiga dari kiri) pada Perhimpunan Bulanan DBKL di Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 04 MAC 2014 (SELASA)**



Kerjasama APCERT, OIC-CERT Perkuh Keselamatan Siber

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Pasukan Respons Kecemasan Komputer-Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC-CERT) melaksanakan pelbagai strategi untuk menyediakan latihan dan program bina upaya yang diperlukan untuk membangunkan keupayaan teknikal dalam keselamatan siber di kalangan negara anggota.

Pasukan itu baru-baru ini mengambil bahagian dalam latihan tahunan dianjurkan oleh pasukan Respons Kecemasan Komputer Asia Pasifik (APCERT).

"Pembabitan dalam latihan itu sejajar objektif OIC-CERT untuk memperkukuhkan hubungan di kalangan negara anggota OIC dalam mengurangkan ancaman siber," kata Jen (B) Tan Sri Mohd Azumi Mohamed, penasihat Kursi OIC-CERT, dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau juga merupakan pengerusi lembaga pengarah CyberSecurity Malaysia.

Latihan itu menggambarkan insiden dan masalah sebenar yang wujud dalam internet, dengan pasukan melaksanakan tugas untuk mengesan elemen dari peringkat permulaan operasi siber.

Kesemua peringkat ini mencapai puncaknya dengan peserta perlu menghapuskan infrastruktur yang diwujudkan oleh penggodam sebelum serangan 'Denial of Service' didedahkan dalam perkhidmatan kerajaan.

Buat kali pertama, latihan itu melibatkan penyertaan Pasukan Respons Insiden Keselamatan Komputer Kerajaan Eropah.

-- BERNAMA